

05/02/2002

Membangunkan umat Islam maju, bertamadun

Hishammuddin Hussein

IMEJ Islam di mata dunia masih lagi tercalar. Islam `dikisahkan' sebagai agama ganas, pendendam, menggalakkan kemiskinan, mengamalkan hukum tidak berperikemanusiaan dan tidak mengamalkan prinsip toleransi.

Begitupun, Malaysia tetap muncul sebagai negara Islam yang nyata bertentangan dengan senario yang digambarkan kepada dunia selama ini.

Malaysia diiktiraf sebagai negara Islam contoh yang disegani, khususnya dari segi ekonomi, berbanding negara Islam lain. Malaysia dipuji sebagai negara yang berpegang kepada fahaman Islam sederhana hingga berjaya mengekalkan keharmonian antara kaum dan agama. Malaysia dihormati kerana tidak perlu menurut `telunjuk asing'.

Umat Islam di Malaysia dilihat sebagai berjaya mengimbangkan kehendak dunia moden dengan tuntutan Islam hingga menjadikan negara ini begitu maju. Ia mempunyai ekonomi mapan dan mampu menjadi jurucakap negara Islam lain dan negara dunia ketiga.

Namun, di sebalik pengiktirafan ini, Malaysia sendiri berhadapan dengan satu golongan yang masih belum mahu mengiktiraf negara ini sebagai negara Islam hanya kerana mempunyai takrifan negara Islam berbeza.

Bagaimanapun, mereka ini belum berani mendedahkan tafsiran mereka secara bertulis mengenai negara Islam yang diinginkan agar dapat dikaji bersama.

Melalui ceramah mereka, golongan ini menyempitkan takrif ulama dengan menegakkan pendirian bahawa hanya `ulama' dari parti yang mereka dukung saja yang wajar memerintah Malaysia. Mereka menekankan bahawa asas negara Islam adalah undang-undang jenayahnya. Mereka juga berpendapat wanita tidak layak memimpin kerana mahu melindungi golongan ini daripada fitnah.

Suatu masa dulu golongan ini `mengharamkan' sebarang bentuk kerjasama dengan orang bukan Islam, manakala pengundi Islam yang mengundi calon parti lain yang bukan Islam melakukan dosa dan boleh menjadi `kufur'.

Tetapi sekarang, mereka sanggup menghalalkan segala-galanya hanya kerana mahu bergabung dengan parti pembangkang lain, bagi memudahkan mereka merebut kuasa. Mereka `menghalalkan' ahli parti menyokong calon bukan Islam asalkan calon itu dari parti gabungan yang sekongkol dengan mereka. Apa yang lebih menyedihkan, mereka menjadi semakin taksuf hingga berani menjamin pahala kepada sesiapa yang mengundi calon parti mereka dalam pilihan raya lalu.

Golongan ini juga menganggap umat Islam yang bukan dari golongan mereka sebagai kafir, hingga sembahyang dan sembelihan golongan ini dianggap tidak sah. Pernikahan mereka juga tidak sah dan jenazah mereka tidak perlu dimandikan.

Persoalannya, adakah tafsiran mereka mengenai Islam sentiasa betul? Adakah pandangan seseorang berpendidikan agama, berhubung satu-satu isu boleh dianggap sebagai `fatwa' yang tidak boleh dipertikaikan langsung? Apakah ulama tidak perlu mengkaji pelbagai cabang ilmu lain, agar dapat menjadikan pandangan mereka lebih berwibawa dan bersesuaian dengan kemodenan dan globalisasi?

Ada beberapa perkara yang boleh kita pelajari dari sejarah perkembangan tamadun Islam.

Pertama adalah pentingnya umat Islam memastikan perpaduan dan keamanan. Keduanya, sikap umat Islam terhadap ilmu pengetahuan. Ketiga keinginan umat Islam untuk mengubah tata cara hidup mereka untuk muncul sebagai bangsa progresif.

Islam mendidik umatnya untuk bersatu di bawah panji-panji Islam tanpa

mengira keturunan, pangkat dan darjat. Proses pembangunan negara Islam dan usaha menegakkan syiar Islam memerlukan perpaduan dan keamanan. Rasulullah saw menyatukan umat Islam Makkah dengan panggilan Muhajirin, dan menyatukan kabilah Aus dan Khazraj dengan panggilan Ansar.

Rasulullah saw berjaya menyemai perasaan kasih sayang, hormat menghormati antara kedua-dua kelompok ini dan menyatukan mereka di bawah panji-panji Islam tanpa mengira keturunan, pangkat dan darjat.

Dalam pada itu, perjanjian dengan kaum Yahudi juga ditandatangani bagi memastikan ketaatan mereka terhadap kepemimpinan Islam yang baru ditubuhkan itu. Ini adalah antara kontrak sosial terawal untuk menerapkan nilai asas sejagat Islam dalam masyarakat.

Keamanan mengizinkan pembentukan sistem kenegaraan dan pembangunan yang semakin tersusun. Kekacauan dan pemberontakan yang berlaku ketika pemerintahan Khalifah Ali menyebabkan umat Islam terbahagi kepada empat kelompok iaitu Syiah, Khawarij, penyokong Muawiyah dan kelompok yang cintakan kedamaian.

Tiga khalifah Bani Umayyah terpaksa berdepan dengan pemberontakan. Seluruh sumber dan tenaga umat Islam terpaksa dikerahkan untuk menghapuskan kekacauan. Hanya selepas wujud keamanan, iaitu ketika zaman pemerintahan khalifah Abdul Malik, al-Walid dan Umar Abdul Aziz barulah kerajaan Bani Umayyah dapat mengadakan pembaharuan dan kemajuan.

Bolehlah disimpulkan bahawa kejayaan umat Islam dalam pelbagai bidang cuma dapat dikecapi apabila mereka benar-benar menghargai perpaduan di kalangan mereka, selain keamanan yang wujud dalam masyarakat.

Perkara kedua ialah perubahan sikap umat Islam terhadap ilmu pengetahuan. Biar pun Rasulullah saw adalah tempat rujukan mengenai ajaran Islam, beliau tidak menghalang penguasaan ilmu pengetahuan lain oleh umat Islam, walaupun mempelajarinya daripada bukan Islam.

Selepas Perang Badar, tawanan perang yang mahu dibebaskan disyaratkan membayar wang penebus diri. Bagi golongan miskin yang mempunyai pengetahuan membaca dan menulis, mereka perlu mengajar 10 kanak-kanak Islam hingga pandai membaca dan menulis.

Ilmu berkembang dengan pesat pada zaman pemerintahan khalifah al-Makmum, dari kerajaan Abbasiyah. Ilmu pengetahuan bijak pandai bukan Islam diterjemahkan, sama ada ke dalam bahasa Arab, mahupun ke bahasa asing.

Penterjemahan karya Aristotle, Plato, Galenus dan banyak lagi dibuat bagi membolehkan umat Islam memahami ilmu tamadun asing. Ilmu seperti astronomi dan falsafah diterjemah dari bahasa tamadun Yunani, India, Parsi dan Mesir.

Ilmu ini kemudiannya dikaji dan diperkembangkan lagi oleh tokoh Islam seperti al-Khawarismi, al-Kindi dan al-Farabi. Penyebaran ilmu pengetahuan ketika itu menjadi lebih mudah dengan adanya kilang kertas dan teknik pembukuan hasil pengetahuan bangsa Cina.

Sejarah membuktikan bahawa kebijaksanaan bukan hak mana-mana orang atau kumpulan. Perkembangan pesat ilmu pengetahuan menyebabkan tidak ada satu individu pun yang boleh menguasai segala cabang ilmu pengetahuan.

Perkembangan sains dan teknologi yang pantas, sistem kewangan dan pasaran antarabangsa kompleks dan kewujudan order baru dunia menuntut umat Islam untuk mengkajinya secara mendalam dan berusaha menyesuaikan diri dengan perubahan itu, supaya tidak kehilangan orientasi pada masa depan.

Perkembangan ini turut memberi kesan kepada golongan ulama. Tidak ada satu ulama pun yang dapat menguasai segala macam ilmu yang ada pada masa ini.

Perkembangan teknologi memungkinkan penciptaan 'instrumen' yang boleh membantu proses pengkajian ulama. Ulama perlulah mengkaji dan terus mengkaji bagi memastikan pandangan mereka kekal relevan, berwibawa dan sesuai dengan perkembangan zaman.

Perkara ketiga yang menyumbang kepada perkembangan tamadun Islam adalah keinginan umat Islam, yang pada awalnya dari kalangan bangsa Arab, mengubah kepercayaan karut dan sistem nilai dalam kehidupan mereka.

Biarapun Allah menurunkan seorang rasul kepada umat Arab ketika itu, jika mereka sendiri tidak mahu berubah maka kaum Arab akan menjadi seperti kaum Bani Israel yang wujud beratus-ratus tahun sebelum mereka.

Selama 13 tahun, Rasulullah saw menghadapi kesukaran mengubah sikap dan budaya orang Arab ketika itu hingga terpaksa berhijrah ke Madinah. Berkat kesabaran beliau, peribadi orang Arab yang kasar, percaya kepada benda karut dan mempunyai sifat suka berperang kemudiannya berjaya diubah kepada keperibadian yang hebat hingga muncul sebagai suatu bangsa bertamadun.

Bayangkanlah bagaimana sukarnya orang Arab meninggalkan kepercayaan dan budaya yang mendasari kehidupan mereka sejak sekian lama. Biarapun mengambil masa, sebaik saja mereka menerima satu sistem dan kepercayaan yang lebih progresif, mereka menjadi lebih berjaya.

Umat Islam sangat beruntung kerana ditinggalkan dengan sejarah pembentukan satu tamadun agung. Dengan itu umat Islam boleh mengambil sebanyak mungkin pengajaran daripada pembentukan ini.

Melalui sejarah, umat Islam seharusnya mengerti mengenai kepentingan perpaduan dan keamanan. Umat Islam diajar bahawa persetujuan kontrak sosial antara kaum adalah penting untuk menjamin keharmonian dan kesetiaan.

Umat Islam juga mempelajari bahawa tamadun sesuatu bangsa berkembang pada kadar yang paling pesat ketika negara aman, bebas daripada kekacauan dalaman, dan selamat daripada ancaman serta serangan negara luar.

Sejarah turut membuktikan bahawa kebijaksanaan tidak semestinya datang hanya dari dunia Islam. Untuk maju, umat Islam perlu mempelajari sebanyak mungkin ilmu hasil daripada kebijaksanaan pelbagai bangsa dunia dan menggunakan ilmu itu untuk membangun dan memperkasakan umat.

Akhirnya, sejarah juga mengajar bahawa umat Islam perlu melakukan transformasi kepercayaan dan budaya. Mereka perlu menjadi satu bangsa yang berpegang teguh kepada nilai murni, disiplin tinggi serta mempunyai perspektif hidup objektif, saintifik dan maju dalam usaha membentuk bangsa bertamadun dan dihormati.

Malangnya, ada golongan yang tidak mahu mengambil pengajaran daripada nilai sejarah. Demi kepentingan politik, golongan ini rela melihat umat Islam berpecah. Mereka mengkafirkan sebahagian umat Islam yang tidak bersetuju dengan cara mereka.

Mereka mengamalkan politik memfitnah dan benci membenci. Mereka terbabit dalam demonstrasi jalanan dan rela menghuru-harakan negara, biarpun ketika itu kerajaan bertungkus lumus memulihkan ekonomi dan menumpukan seluruh tenaga untuk menentang serangan negara luar yang mahu menjajah ekonomi negara.

Mereka sanggup menggunakan apa saja landasan, (tadika, sekolah beraliran agama dan mimbar masjid) untuk menyebarkan perasaan benci terhadap kerajaan. Sehingga, sama ada mereka sedar atau tidak, akibat ajaran 'benci-membenci' mereka, wujud di kalangan pengikut mereka, kelompok bersifat militan.

Kelompok ini meletupkan bom di tempat awam, merompak bank, melakukan pembunuhan dan terbabit dalam rangkaian militan antarabangsa.

Sebaliknya Umno, yang menjadi teras kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak sebelum merdeka lagi sangat menekankan kepentingan bersatu padu untuk membangunkan suatu bangsa kuat.

Tidak kira sama ada mereka dari golongan bangsawan atau rakyat bawahan, lelaki atau wanita, berpendidikan Inggeris, Melayu atau agama, kuat beribadat atau sebaliknya, bertudung atau tidak, mereka tetap diterima asal saja mahu menyumbangkan tenaga dan fikiran demi agenda pembangunan

agama, negara dan bangsa.

Formula BN adalah satu bentuk persefahaman dan kerjasama yang adil bagi setiap kelompok kaum majoriti dan minoriti di negara ini. Perlembagaan Persekutuan mengandungi kontrak sosial yang dipersetujui oleh wakil setiap kaum sebelum kemerdekaan negara yang melindungi hak setiap kaum, kebebasan beragama dan hak mengamalkan kepercayaan tradisi mereka.

Selagi setiap kaum menghormati kontrak sosial yang terjalin, maka keharmonian kaum dan keamanan dapat dikekalkan.

Umno menekankan kepentingan untuk menguasai ilmu pengetahuan, baik ilmu agama atau ilmu lain. Tidak timbul soal ilmu dunia atau akhirat, kerana semua ilmu, sama ada dunia atau akhirat, dituntut untuk dipelajari.

Penguasaan ilmu sains dan teknologi, membolehkan negara turut bersaing di pentas ekonomi dunia. Malaysia berjaya membangunkan infrastruktur sejajar dengan permintaan ekonominya. Selain mempunyai persekitaran ekonomi menarik, keupayaan kerajaan BN mengekalkan kestabilan politik juga menjadi daya penarik pelabur asing.

Malaysia dihormati kerana tegas dan berani menyuarakan pendiriannya hingga diiktiraf sebagai 'suara' yang mewakili negara dunia ketiga dan negara Islam dalam menangani isu antarabangsa.

Generasi muda di Malaysia, sama ada Islam atau bukan Islam perlulah menilai perkembangan politik, sosial dan ekonomi negara dengan minda terbuka kerana mereka bakal mewarisi negara.

Sedarilah bahawa masalah tidak boleh diselesaikan dengan emosi atau melalui usaha menimbulkan lebih banyak masalah. Pilihan tetap di tangan kita. Belajarlah dari sejarah, kerana sejarah menceritakan 'kebenaran' dan 'kesilapan' satu-satu bangsa dan tamadunya.

Kejayaan Malaysia hari ini bukanlah sesuatu yang dapat dicapai dalam sekelip mata. Ia adalah hasil perancangan dan usaha berterusan pejuang kemerdekaan, pemimpin politik, polis, tentera, ulama, pendidik dan setiap lapisan rakyat yang mengerti betapa pentingnya perpaduan untuk dijadikan asas pembentukan sebuah bangsa kuat.

Sebenarnya tidaklah sukar untuk memahami mengapa dunia, sama ada dunia Islam, Timur atau Barat, melihat Malaysia sebagai model sebuah negara Islam contoh. Adalah lebih sukar untuk cuba memahami pemikiran Pas yang terus-menerus tidak mahu mengiktiraf keupayaan negara Islam pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimana agaknya bentuk negara Islam yang Pas inginkan? Masyarakat sebenarnya hingga kini masih menantikan penjelasan bertulis Pas dengan penuh minat dalam hal ini.

(END)